



**THE
COATINGS
EXPERT®**



Siaran Akhbar
Untuk Siaran Segera

60% DARIPADA RAKYAT MALAYSIA YANG DITINJAU MENGALAMI UDARA DALAMAN YANG KURANG BERKUALITI

Nippon Paint memperkenalkan Program Kesejahteraan Ruang Dalaman & melancarkan Garis Panduan Kesejahteraan Ruang Dalaman bersama MSAI.

Kuala Lumpur, 15 Oktober 2019 – Pembekal penyelesaian cat No. 1 Malaysia, Nippon Paint Malaysia Group (“Nippon Paint”) secara rasmi melancarkan **Program Kesejahteraan Ruang Dalaman (“Indoor Wellness Programme”)**, satu kempen pendidikan bertujuan memperkasakan para pemilik kediaman di Malaysia untuk memperbaiki kualiti udara di dalam rumah mereka ke arah kesejahteraan yang lebih menyeluruh.

Program Kesejahteraan Ruang Dalaman terdiri daripada dua fasa – **Tinjauan Kesejahteraan Ruang Dalaman (“Indoor Wellness Survey”)** dan **Garis Panduan Kesejahteraan Ruang Dalaman (“Indoor Wellness Guideline”)**. Tinjauan yang disertai oleh seramai 511 peserta ini bertujuan menilai tabiat pemilik rumah di Malaysia berhubung dengan tahap kebersihan pelbagai ruang di kediaman mereka. Menerusi tumpuan terhadap 4 ruang utama – ruang tamu, bilik tidur, bilik mandi dan dapur – para responden kemudiannya diberikan Skor Kesejahteraan Ruang Dalaman mengikut kategori berikut: Sihat, Tidak Sihat dan Sangat Tidak Sihat.

Hasil daripada Tinjauan, **Garis Panduan Kesejahteraan Ruang Dalaman** telah dilancarkan dengan kerjasama Persatuan Alergi dan Imunologi Malaysia (*Malaysian Society of Allergy and Immunology, “MSAI”*), yang merupakan garis panduan pertama seumpamanya oleh MSAI. Tujuan garis panduan ini adakah untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan kesejahteraan ruang dalaman serta langkah-langkah praktikal dan nasihat pakar tentang cara bagaimana kita boleh mengurangkan atau menghapuskan bahan-bahan pencemar udara dalaman. Garis panduan ini boleh dimuat turun di sini: www.nipponpaint.com.my/indoorwellness

Bercakap di majlis pelancaran, Gladys Goh, Pengurus Besar Kumpulan Nippon Paint Malaysia menyatakan, **“Kami sentiasa meletakkan keperluan pengguna sebagai keutamaan kami. Walaupun, ruang dalaman menjadi tempat bagi kita meluangkan kebanyakan masa, namun tiada fokus yang mengkaji tentang tahap kebersihan ruang di dalam rumah. Kesejahteraan ruang dalaman adalah suatu elemen yang tidak kelihatan namun mendatangkan bahaya jika tidak diberi penelitian. Menerusi Program Kesejahteraan Ruang Dalaman Nippon Paint serta**

pelancaran Garis Panduan Kesejahteraan Ruang Dalam MSAI yang pertama, kami berharap setiap pemilik kediaman di Malaysia akan menjadi lebih peka, bijak dan diperkasakan untuk mengambil tahu tentang kesejahteraan ruang dalaman mereka dan berusaha ke arah menyediakan persekitaran yang lebih selamat untuk diri mereka dan orang tersayang.”

Pelancaran **Program Kesejahteraan Ruang Dalam** telah disempurnakan oleh Dr Amir Hamzah Dato’ Abd Latiff, Presiden **Persatuan Alergi dan Immunologi Malaysia (MSAI)**.

Bercakap semasa sesi perbincangan panel selepas majlis pelancaran, Dr Amir Hamzah menyatakan, **“Bagi pihak Persatuan Alergi dan Immunologi Malaysia (MSAI), kami berbesar hati atas bekerjasama dengan Nippon Paint dalam membangunkan Garis Panduan Kesejahteraan Ruang Dalam. Pencemaran persekitaran merupakan antara bidang fokus utama MSAI dan kami akur bahawa kualiti udara ruangan dalaman secara amnya memberi kesan kepada penjagaan kesihatan, khususnya penyakit alahan dan berkaitan pernafasan, selain kesan terhadap perubahan iklim. Matlamat kami di MSAI adalah untuk saling bekerjasama dengan Persatuan Alergi, Asma dan Immunologi Klinikal Asia Pasifik (APAACI) sebagai satu inisiatif serantau untuk mewujudkan kesedaran tentang kesejahteraan ruang dalaman.”**



Mengikut Roda Kesejahteraan, semua dimensi adalah saling berkait dan penting untuk gaya hidup yang menyeluruh dan

Menurut **Tinjauan Kesejahteraan Ruang Dalam**, anggaran 60% daripada warga Malaysia yang menyertai tinjauan (atau 6 daripada 10 responden) mempunyai kualiti udara dalaman yang kurang berkualiti dengan hampir 70% daripada mereka masih belum berkahwin dan bakinya yang sudah berkeluarga. Tinjauan seterusnya menunjukkan bahawa kumpulan responden paling sihat terdiri daripada mereka yang berumur antara 25 hingga 34 tahun (**yang merupakan 37% daripada kategori skor Sihat**). Manakala kumpulan responden paling tidak sihat adalah lebih muda dengan kumpulan umur antara 18 hingga 24 tahun (**yang merupakan 45% daripada kategori skor Sangat Tidak Sihat**). Daripada tinjauan yang sama, 75% responden yang tinggal di kawasan bandar memiliki kediaman yang tidak sihat, manakala hanya baki 25% responden yang ditinjau mengamalkan tabiat sihat yang membawa kepada kualiti udara dalaman yang lebih sihat.

Membandingkan semua ruang di rumah, dapur dinilai sebagai ruang paling bersih manakala ruang yang paling tidak sihat yang ditinjau ialah ruang tamu dan bilik tidur. Ini disebabkan oleh hakikat bahawa dinding dan lantai tidak dibersihkan cukup kerap. Gambaran tinjauan menunjukkan bahawa hanya 25% daripada responden membersihkan dinding ruang tamu setiap minggu, manakala kurang daripada separuh (43%) membersihkan dinding bilik tidur mereka hanya sekali setahun atau tidak langsung. Ini merupakan gambaran yang membimbangkan kerana dinding merupakan permukaan terbesar di rumah dan menjadi perantara yang aktif untuk penyebaran virus dan bakteria.

Hanya satu pertiga daripada responden (31%) menyatakan bahawa mereka membersihkan lantai bilik mandi sebanyak 3 hingga 4 kali seminggu, walaupun 55% responden mengaku menemui kulapuk di kawasan tersebut. Seterusnya, lebih 60% daripada responden menggunakan produk pewangi di ruang tamu, bilik mandi dan bilik tidur mereka dengan menganggap bahawa langkah ini memberi manfaat kepada kawasan tersebut. Namun pada hakikatnya, produk pewangi

sebenarnya boleh melepaskan bahan kimia yang menyebabkan kawasan menjadi hapak serta mengeluarkan bahan cemar ke dalam udara di dalam rumah.¹ Ini menunjukkan bahawa masih terdapat keperluan untuk mendidik dan memperkasakan rakyat Malaysia untuk menjaga kesihatan dan kesejahteraan mereka secara keseluruhan, termasuk kesejahteraan kediaman mereka.

“Kesejahteraan ruangan dalaman ialah komponen utama Roda Kesejahteraan, yang merangkumi bidang yang berkaitan dengan kesihatan dan kesejahteraan individu secara keseluruhan dalam tujuh dimensi: emosi, intelektual, fizikal, sosial, alam sekitar, kewangan, dan rohani. Semua dimensi adalah saling berkaitan dan memainkan peranan penting dalam mencapai gaya hidup yang menyeluruh, holistik dan seimbang,” kata Dr Rajbans Singh, Presiden Persatuan Kesejahteraan Malaysia (*Malaysian Wellness Society, “MWS”*), anggota panel dalam sesi perbincangan “Kediaman Sihat berbanding Kediaman Tidak Sihat” yang diadakan sempena pelancaran. Beliau menambah, ***“Malangnya, kesedaran tentang kepentingan kualiti udara dalaman tidak mendapat perhatian yang secukupnya dan saya berharap melalui Program Kesejahteraan Ruang Dalaman, kita dapat mendidik para pemilik rumah Malaysia mengenai kepentingan kualiti udara dalaman yang baik melalui pelbagai inisiatif kesedaran dan pendidikan.”***

Selain daripada Garis Panduan, ***Program Kesejahteraan Ruang Dalaman*** akan menyaksikan kerjasama dalam usaha penglibatan awam menerusi penyediaan kandungan pakar dan pendidikan melalui pelbagai platform seperti media, digital dan pengaktifan berfokuskan pengguna menerusi kerjasama dengan pelbagai rakan kongsi dan pemegang kepentingan.

Goh berkata, ***“Kami berhasrat menjadikan Program Kesejahteraan Ruang Dalaman sebagai satu inisiatif yang mapan. Buat masa ini, Tinjauan dan Garis Panduan hanya menjadi fasa pertama kempen. Berikutan itu, kami akan terus bekerjasama dengan rakan pemegang kepentingan yang relevan dan strategik untuk memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia supaya melihat kesihatan dan kesejahteraan secara lebih holistik melalui pelbagai inisiatif kesedaran dan pendidikan dalam Fasa 2 pengaktifan kami. Di samping pemakanan, latihan dan kesihatan mental, kami mahu memastikan rakyat Malaysia melihat kesihatan dalaman sebagai komponen kritikal untuk kesihatan dan kesejahteraan mereka secara keseluruhan.”***

Program Kesejahteraan Ruang Dalaman merupakan kesinambungan Program Kesejahteraan Kanak-kanak (*Child Wellness Programme, “CWP”*) Nippon Paint yang dimulakan pada tahun 2017 untuk memperkasakan para ibu bapa dan pembuat keputusan utama di pusat penjagaan kanak-kanak dan tadika ke arah mewujudkan persekitaran yang lebih sejahtera untuk anak-anak sama ada di rumah mahupun di tempat-tempat lain. Menerusi CWP, Nippon Paint bekerjasama dengan empat persatuan kebangsaan termasuk Persatuan Pediatrik Malaysia (*Malaysian Paediatric Association, “MPA”*), Persatuan Alergi dan Immunologi Malaysia (*Malaysian Society of Allergy and Immunology, “MSAI”*), Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (*Association of Registered Childcare Providers Malaysia, “PPBM”*) dan Persatuan Tadika Malaysia (*Malaysia Association of Kindergartens, “PTM”*) untuk menjangkau kepada ibu bapa, pusat penjagaan kanak-kanak dan



¹ Science Direct, 10 soalan tentang penyegar udara dan persekitaran binaan dalaman, <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0360132316304334>



pemilik dan pengusaha tadika serta komuniti dari segi penyediaan nasihat pakar dan maklumat supaya mereka membuat keputusan terperinci tentang kesihatan dan kesejahteraan anak-anak mereka.

Selain daripada ciri estetika, lapisan fungsi Nippon Paint turut membawakan konsep penyediaan masa depan yang selamat dan mapan untuk semua, terutamanya melalui **Rangkaian Mesra Kanak-kanak** dan **Green Choice Series**. Rangkaian Mesra Kanak-kanak memanfaatkan Teknologi Karbon Aktif yang direka untuk menyerap bahan formaldehid yang berbahaya daripada udara dan mengubahnya menjadi wap air supaya udara menjadi lebih bersih. Rangkaian cat ini turut mengandungi Teknologi Ion Perak untuk mengurangkan pertumbuhan virus dan bakteria daripada tersebar melalui dinding. Dengan memanfaatkan Teknologi Anti-Cemar penyelesaian lapisan Nippon Paint memberikan ketenangan fikiran kepada ibu bapa untuk anak-anak mereka menunjukkan daya kreativiti kerana kotoran dapat dibersihkan dengan mudah. Green Choice Series dari Nippon Paint pula menawarkan cat dalaman dan luaran yang dirumuskan dengan mengutamakan persekitaran dan kesihatan pengguna. Siri ini menampilkan lapisan berasaskan air, tanpa plumbum serta raksa tambahan serta hampir tiada Sebatian Organik Mudah Meruap (*Volatile Organic Compounds, "VOC"*).

###

Apendiks

Penemuan Penting	
<ul style="list-style-type: none"> • Lebih daripada 60% responden mengalami udara dalaman yang kurang berkualiti di rumah. • 75% responden yang tinggal di kawasan bandar mempunyai rumah yang tidak sihat. • Kumpulan responden paling sihat adalah mereka yang berumur antara 25 – 34 tahun • Kumpulan responden yang paling tidak sihat adalah antara 18 – 24 tahun • Ruang tamu dan bilik tidur adalah ruang yang paling tidak sihat di rumah, sementara dapur adalah yang paling bersih 	
Penemuan Penting mengikut Ruang	
<p>1. Ruang Tamu</p> <p>Hanya 49% daripada rakyat Malaysia yang ditinjau membersihkan ruang tamu mereka 1 -2 kali seminggu</p> 	<p>2. Bilik Tidur</p> <p>Hanya 51% daripada rakyat Malaysia yang ditinjau membersihkan bilik tidur mereka 1 – 2 kali seminggu</p> 

<ul style="list-style-type: none"> • Lebih separuh daripada rakyat Malaysia (52%) membersihkan lantai rumah mereka sekali seminggu atau kurang • 51% daripada responden membersihkan perabot mereka (permaidani, alas kaki, langsir) setiap bulan atau kurang • 38% daripada rakyat Malaysia tidak pernah membersihkan dinding mereka, atau hanya sekali setahun • 62% daripada responden turut menggunakan lilin pewangi atau penyegar udara di kawasan ini 	<ul style="list-style-type: none"> • Lebih daripada 50% hanya membersihkan tilam mereka sekali sebulan* • 43% tidak pernah membersihkan dinding bilik tidur mereka, atau hanya sekali setahun • Kurang separuh daripada responden (48%) membersihkan perabot bilik tidur sekali sebulan atau kurang • 60% daripada responden sekali sekala menggunakan lilin pewangi atau penyegar udara di kawasan ini <p><i>*Membersihkan tilam termasuklah merawatnya dengan disinfektan atau larutan</i></p>
<p>3. Bilik Mandi</p> <p>Hanya 40% daripada rakyat Malaysia yang ditinjau membersihkan bilik mandi mereka 1 – 2 kali seminggu</p>  <ul style="list-style-type: none"> • Lebih separuh daripada responden (52%) membersihkan dinding bilik mandi mereka setiap minggu • Namun begitu, 55% masih menemui kulupuk pada kawasan ini walaupun kerap dibersihkan • Hanya 35% daripada responden menyimpan kelengkapan dandanan di dalam unit penyimpanan di bilik mandi • 62% daripada responden sekali sekala menggunakan lilin pewangi atau penyegar udara di kawasan ini 	<p>4. Dapur</p> <p>Hanya 38% daripada rakyat Malaysia yang ditinjau membersihkan dapur mereka setiap hari</p>  <ul style="list-style-type: none"> • 40% daripada responden membersihkan dinding dapur mereka setiap minggu • Lebih separuh (53%) menemui kesan asap 1 – 2 kali seminggu • 68% daripada responden mengosongkan bekas sampah mereka setiap hari • Separuh daripada responden membuat pengudaraan ruang setiap hari dengan membuka pintu / tingkap

About Nippon Paint Malaysia Group

The Nippon Paint Malaysia Group (“NPM Group”) is currently Malaysia’s No. 1 Total Coating Solutions provider, enjoying its market leadership position since 2008. The NPM Group is part of the Nippon Paint Group, which is currently Asia’s No. 1 coating manufacturer spanning 15 geographical locations, built on a heritage of over 130 years dating back to 1881 in Japan.

Established in 1967 as Nippon Paint (Malaysia) Sdn. Bhd., the company has since grown in leaps and bounds, and today, has emerged as a significant regional player within the coatings industry with presence in countries such as Pakistan, Philippines, Bangladesh, Thailand, Iran and Indonesia.

The NPM Group places strong emphasis in Research and Development (R&D) activities, which remains a core priority to its success in product innovation. As a global leader in coating technologies with a database of more than 10,000 paint formulations, the NPM Group prides itself in being a Total Coating Solutions provider with a multi-segment portfolio of offerings ranging from Architectural, Automotive, Industrial, Protective to Marine coatings.

The Group has won consumer choice awards such as the Reader's Digest Trusted Brand Awards (2006-2019), Putra Brand Awards (2010-2019) and Parents' Choice Awards (2018-2019), as well as received industry accolades such as the APPIES 2018 Gold award for its Child Wellness Range campaign, Best Company for Leadership in Paint Technology Asia by IAIR in 2014 and Frost & Sullivan's Paint & Coatings Company of The Year in 2011, the Paint Company of the Year 2016 and New Product Innovation Leadership Award 2016. In its concerted effort to champion sustainability towards a greener footprint, the Group has received the Green Label Certification (by the Singapore Environment Council), EcoLabelling Certification License (by SIRIM QAS International) and several Green Excellence Awards by Frost & Sullivan.

Untuk maklumat lanjut tentang Nippon Paint Malaysia:

Laman web: www.nipponpaint.com.my

Facebook: www.facebook.com/nipponpaintmalaysia

YouTube: www.youtube.com/NipponPaintMalaysia

No. bebas tol: 1-800-88-2663

Diterbitkan oleh Perspective Strategies Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Tel: 03 - 7491 3138, Faks: 03 - 7733 3138

Anita Teh, Ms.

Emel : anita.teh@perspective.com.my

Mobile : +60 14 – 396 9433

Kimberly Tan, Ms.

Emel : kimberly.tan@perspective.com.my

Mobile : +60 12 – 609 5931